

UNIT TRUST WAQF: A REVIEW OF THE CONTEMPORARY FATAWA

WAKAF UNIT AMANAH: SOROTAN FATWA SEMASA

Syahnaz Sulaimanⁱ, Aznan Hasanⁱⁱ & Azman Mohd Noorⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author) Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.
syahnaz@usim.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Institute of Islamic Banking and Finance, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
aznanh@gmail.com

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Institute of Islamic Banking and Finance, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
azzmannor@gmail.com

Article Progress

Received: 30th Oct 2018

Revised: 24th Jan 2019

Accepted: 31st Jan 2019

Abstract	<p><i>Waqf institutions have contributed significantly towards the advancement of ummah during the golden era of Islamic civilization. In line with rapid development of Islamic financial system throughout the world, unit trust has been identified as one of the financial instruments to have potential as waqf asset. Such approach is also supported by an efficient and professional manner in managing waqf assets. However, the concept of unit trust waqf is stil at an infancy stage that requires further in-depth study on its mechanism and implementation. This study conducts a review of literature with respect to the current fatawa (Islamic legal rulings) pertaining to unit trust waqf. The main objective of this study was achieved through content analysis of the classical and contemporary books as well as fatawa associated to financial instruments including unit trusts. The finding is expected to pave the way in generating some insight to waqf managers, regulators and fund managers in establishing a dynamic and viable unit trust waqf to be implemented in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Waqf, unit trusts, fatwa, islamic, financial.</i></p>
Abstrak	<p><i>Intituti wakaf telah memberikan sumbangan yang penting terhadap kemajuan sosioekonomi ummah sepanjang era kegemilangan peradaban Islam. Sejarar dengan kepesatan pembangunan sistem kewangan Islam dunia, wakaf unit amanah dilihat mempunyai potensi untuk diketengahkan sebagai salah satu medium atau instrumen wakaf dalam masyarakat. Pendekatan seumpama ini turut disokong oleh sistem pengurusan harta wakaf secara lebih cekap dan profesional. Walau bagaimanapun, konsep wakaf unit amanah masih berada di peringkat pengenalan di mana mekanisme dan strategi pelaksanaannya perlu diteroka dengan lebih mendalam. Kajian ini merupakan satu sorotan literatur berhubung dengan fatwa semasa berkaitan keabsahan wakaf unit amanah. Objektif utama kajian ini dicapai menerusi analisis kandungan kitab-kitab turath dan kontemporari serta fatwa-fatwa yang berkait rapat dengan instrumen kewangan termasuk unit amanah. Hasil dapatan kajian diharap dapat merintis kepada penghasilan input dan maklumat kepada pengurus wakaf, badan kawal selia dan pengurus dana berhubung dengan potensi untuk mewujudkan wakaf unit amanah di Malaysia bagi meluaskan amalan berwakaf</i></p>

secara lebih dinamik pada masa hadapan.

Kata Kunci: Wakaf, unit amanah, fatwa, Islam, kewangan.

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan antara teras keagungan tamadun Islam yang dipraktikkan semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari ini. Sejarah telah membuktikan bahawa wakaf mempunyai peranan yang sangat signifikan terhadap pembentukan peradaban dan pembangunan ekonomi dunia Islam. Sebagai contoh, keberkesanan amalan wakaf pada era Empayar Turki Uthmaniyyah merupakan satu bukti yang jelas bahawa wakaf berupaya menjadi solusi kepada masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh umat Islam dan menyumbang kepada kepesatan pembangunan ekonomi masyarakat secara umum seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, kebajikan dan lain-lain (Cizakca, 1998).

Sumbangan wakaf begitu signifikan dan diiktiraf sebagai antara sektor ketiga paling berpengaruh (Abul Hasan, 2002; Mohd Nahar & Haneef, 2015) terhadap peradaban Islam sehingga digambarkan oleh sejarawan Marshall Hodgson (1974) sebagai “*a vehicle for financing Islam as a society*” yakni suatu metode yang dapat membiayai kelangsungan hidup masyarakat Islam. Malahan konsep wakaf yang bercirikan institusi amanah ini juga telah diguna pakai oleh dunia Barat sehingga melahirkan beberapa endowmen terkemuka dalam dunia pendidikan di Eropah seperti Merton College, University of Oxford (Arjomand, 1998). Di samping itu, kegemilangan institusi wakaf turut menjadi aspirasi dalam menentukan hala tuju pembangunan institusi tidak bermotifkan keuntungan (*non-profit organisation*) dan badan bukan kerajaan (*non-governmental organisation*).

PEMBANGUNAN DAN PELABURAN WAKAF

Menurut Kahf (2011), model pembangunan harta wakaf kontemporari perlu menggabungkan elemen simpanan tetap dan pelaburan jangka panjang. Pendekatan ini membolehkan modal wakaf (*principal amount*) dapat dikekalkan di samping menjana pulangan dividen yang stabil dan berterusan. Revolusi pembangunan harta wakaf ini perlu didorong oleh penghasilan variasi aset-aset wakaf dalam bentuk harta alih seperti wakaf tunai, wakaf saham dan pelbagai lagi.

Kepelbagaian produk pelaburan wakaf dijangka bukan sahaja memberi peluang kepada lebih ramai anggota masyarakat untuk berwakaf mengikut kemampuan masing-masing, bahkan memastikan pengurusan harta wakaf yang lebih cekap dan profesional di samping menggalakkan penarikan modal untuk pembangunan harta wakaf. Selain itu, variasi instrumen kewangan yang berlandaskan prinsip wakaf perlu dikembangkan bagi tujuan diversifikasi dan mewujudkan portfolio pelaburan wakaf yang lebih komprehensif.

Wakaf unit amanah merupakan satu bentuk inovasi amalan wakaf yang masih belum dilaksanakan secara meluas. Malah ia dianggap masih baharu di negara ini berbanding dengan Indonesia yang telahpun melaksanakan wakaf unit amanah. Reksa Dana Batas Syariah-Dompot Dhuafa yang diwujudkan pada tahun 2004 walau bagaimanapun telah ditukar kepada skim haji pada tahun 2006 kerana kurang mendapat sambutan daripada pelabur (Dodik & Mirantika, 2011).

Menjelang tahun 2016, dana unit amanah BNI-AM Dana Dhompot Dhuafa yang berasaskan wakaf telah dilancarkan. Model yang baharu ini memberi peluang kepada pelabur institusi untuk mewakafkan keseluruhan atau sebahagian daripada unit amanah yang dimiliki.

Selaras dengan kepesatan industri unit amanah Islam di Malaysia dan keupayaan pengurus dana profesional, segmen dana unit amanah Islam wajar diteroka bagi mengaplikasikan konsep wakaf dalam agihan manfaatnya. Bahkan aset wakaf juga dapat digembleng menerusi instrumen dana unit amanah bagi menjana pulangan yang konsisten kepada institusi wakaf serta benefisiari. Oleh itu, terdapat keperluan agar kajian lanjut dilaksanakan bagi meneroka potensi wakaf unit amanah di Malaysia.

DANA PELABURAN UNIT AMANAH ISLAM

Dana pelaburan atau skim pelaburan kolektif (*collective investment scheme, CIS*) ialah skim yang mengumpulkan dana daripada pelabur yang mempunyai matlamat pelaburan yang sama ke dalam satu tabung dan diuruskan oleh pengurus pelaburan profesional (SIDC, 2009). AAI OFI (2010) mendefinisikan dana pelaburan sebagai alat pelaburan yang berasingan dan berdikari daripada institusi yang menubuhkannya. Justeru, struktur dana pelaburan unit amanah turut mempunyai pemegang amanah (*trustee*) yang akan menjaga kepentingan para pelabur.

Unit amanah Islam ialah unit-unit saham yang mewakili bahagian pemegang saham terhadap aset patuh syariah di dalam portfolio pelaburan (Marjan et. al, 2015). Ini melayakkan pelabur untuk mendapat keuntungan atau kerugian dalam pelaburan tersebut. Secara umumnya dana unit amanah Islam diuruskan berdasarkan akad *mudharabah* dan *wakalah* yang menjelaskan hubungan antara pengurus dana dan pelabur.¹ Manakala akad *musharakah* merupakan akad yang mendasari hubungan antara para pelabur yang melabur dalam dana tersebut (Marjan et. al, 2015).

Dari sudut sejarah, Cizakca (2000) merupakan antara penyelidik yang menyokong pandangan Monica Gaudiosi (1988) yang berpendapat bahawa penubuhan dana unit amanah (*unit trust* atau *mutual fund*) telah dipinjam oleh Barat daripada konsep wakaf. Wang yang terkumpul daripada para pelabur disatukan untuk membentuk suatu kumpulan dana amanah yang kemudiannya diurus dan dilaburkan oleh pengurus dana. Menurut Cizakca (2000), struktur unit amanah yang memisahkan peranan pelabur dan pengurus dana hampir menyamai dengan konsep pengurusan wakaf secara tradisional yang memisahkan peranan pewakaf dan *mutawalli*. Lantaran itu, beliau berpendapat bahawa unit amanah merupakan satu instrumen kewangan yang berpotensi untuk diaplikasi dan dipopularkan sebagai aset wakaf yang baharu memandangkan saiz dananya yang semakin besar dan berkembang pesat di negara-negara Islam (Cizakca, 2000).

Pembangunan pesat industri unit amanah di negara ini dapat dilihat melalui peningkatan tiga kali ganda jumlah syarikat pengurusan dana daripada hanya 13 syarikat pada tahun 1992 kepada 36 syarikat pada tahun 2017 (Suruhanjaya Sekuriti, 2017). Manakala, signifikansi dana unit amanah dalam pasaran modal di Malaysia dapat diukur melalui peratusan nilai aset bersih (*net asset value, NAV*) dana unit amanah daripada jumlah permodalan pasar (*market capitalization*) Bursa Malaysia yang meningkat daripada 18.7% pada tahun 2011 kepada 21.7% pada tahun 2016.

Sementara itu, statistik berkenaan dengan perkembangan unit amanah Islam di Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2017, bilangan dana berasaskan Syariah meningkat kepada 211 dana daripada jumlah keseluruhan 649 dana yang diluluskan, berbanding hanya 17 dana berasaskan Syariah daripada jumlah keseluruhan 127 dana yang diluluskan pada tahun 2000. Di samping itu, NAV dana unit amanah berasaskan Syariah turut mengalami peningkatan yang memberangsangkan selepas tempoh krisis kewangan global 2008/2009, daripada RM21 bilion pada penghujung tahun 2009, kepada RM70 bilion pada tahun 2017 (Suruhanjaya Sekuriti, 2017).

DEFINISI ASET KEWANGAN

Umumnya instrumen kewangan adalah hak berkaitan kontrak atau obligasi untuk menerima atau membayar wang tunai atau aset kewangan yang lain. IAS (International Accounting Standards) 32, Financial Instruments: Presentation (2003), yang harus dibaca bersama dengan IFRS 9, Financial Instruments mendefinisikan instrumen kewangan sebagai (a) wang tunai; instrumen ekuiti bagi sesuatu entiti; (b) hak berkontrak yang: 1)

¹ Terdapat juga yang berbentuk musyarakah.

mbolehkan entiti menerima wang tunai atau aset kewangan lain dari entiti lain, atau 2) membenarkan entiti untuk menukar aset atau liabiliti kewangan dengan entiti lain.²

Berdasarkan definisi ini, wang tunai, saham dan unit amanah adalah termasuk dalam kategori instrumen kewangan. Saham dan unit amanah misalnya mewakili hak kontrak berkaitan kewangan yang membolehkan pemilik unit-unit berkenaan mendapatkan tunai menerusi pembayaran dividen atau bonus sebagaimana yang dijanjikan dalam kontrak.

Sehubungan itu, perbincangan mengenai keabsahan mewakafkan wang tunai adalah amat relevan dalam kajian ini untuk meninjau mekanisme yang sesuai untuk melaburkan wang tunai yang diwakafkan dalam instrumen unit amanah. Manakala saham merupakan salah satu aset yang menjadi konstituen dalam portfolio unit amanah yang akan turut dibincangkan selepas ini.

FATWA KEHARUSAN WAKAF TUNAI

Perbincangan mengenai wakaf tunai adalah relevan dalam penulisan ini kerana wang yang diwakafkan dapat digunakan untuk membeli unit amanah sebagai satu bentuk pelaburan untuk mengembangkan nilai wakaf. Keharusan wakaf tunai telah dibincangkan secara mendalam oleh fuqaha klasik dan kontemporari. Umumnya, ulama klasik berbeza pendapat mengenai keharusan wakaf tunai kerana tidak bersifat kekal dan akan berpindah tangan apabila digunakan untuk perbelanjaan.

Pandangan Fuqaha Klasik

Fuqaha Yang Tidak Mengharuskan Wakaf Tunai

Majoriti fuqaha daripada Imam Hanafi dan Abu Yusuf, mazhab Syafie dan Hanbali, dan satu pandangan dalam mazhab Maliki tidak membenarkan wakaf tunai (Nizam (2002); Al-Ansari (2005); Al-Buhuti (2002); Al-Hattab (2003)). Mereka berpandangan segala barangan yang tidak kekal dalam penggunaannya tidak boleh menjadi aset wakaf termasuklah wakaf tunai.

Menurut pengarang kitab al-Fatawa al-Hindiyyah (Nizam, 2002):

“Sekiranya seseorang mewakafkan dirham, dinar atau pakaian, maka wakafnya tidak sah”.

Begitu juga imam Al-Mawardi (1999) menyatakan:

“Fasal: wakaf dirham dan dinar tidak sah pewakafannya kerana ia tidak kekal bila dimanfaatkan - musnah (istihlak), (maka tidak sah) seperti makanan”.

Manakala Ibn Qudamah (1983) berpendapat:

“Segala barangan yang tidak kekal apabila dimanfaatkan seperti emas, perak, makanan dan minuman maka pewakafannya adalah tidak sah...yang dimaksudkan dengan emas dan perak di sini ialah dinar dan dirham”.

Oleh itu, berdasarkan syarat utama wakaf yang disepakati oleh majoriti jumur ulama klasik, subjek wakaf mestilah mempunyai ciri kekal. Justeru, wang tunai tidak sah untuk dijadikan sebagai subjek wakaf kerana tidak menepati ciri-ciri tersebut. Mereka menyatakan pandangan ini dengan mengkiaskan wang tunai dengan makanan, minuman dan minyak wangi yang habis apabila digunakan, sedangkan wang tunai yang diwakafkan pada hakikatnya boleh dikekalkan dengan menukarkan bentuknya kepada aset yang lain. Bahkan pada hakikatnya wang tunai boleh kekal dalam bentuk fizikal atau nilai. Sebagai contoh, wang tunai tersebut dimanfaatkan melalui sewaan untuk tujuan perhiasan atau untuk tujuan pinjaman (*qard*).

² “(a) cash; an equity instrument of another entity; (c) a contractual right that: 1) allows the entity to receive cash or any other financial asset from another entity, or 2) allows the entity to exchange financial assets or liabilities with another entity under unfavourable conditions”.

Fuqaha Yang Mengharuskan Wakaf Tunai

Sebahagian ulama mazhab Hanafi seperti Zufar, ulama mazhab Maliki dan sebahagian ulama mazhab Hanbali membenarkan wang tunai diwakafkan. Ibn Taymiyyah menegaskan pandangan ini adalah pandangan yang sahih menurut Imam Ahmad (1995).

Menurut Al-'Ayni (1990):

“Berkata pengarang al-Muhit, hukum mewakafkan (manfaat) 150 dinar untuk rawatan sesuatu penyakit dan melakukan wasiat keatasnya adalah dibenarkan. (Dalam kes wakaf) maka wang dinar tersebut akan diserahkan kepada seseorang untuk berniaga atas dasar mudarabah dan keuntungannya akan digunakan untuk merawat penyakit tersebut”.

Manakala Ibn Abidin (1966) menyatakan:

“Sesungguhnya dirham tidak tertentu dengan penentuan (لا تتعين بالتعين), walaupun tidak dimanfaatkan dengan kekal fizikalnya, tetapi gantiannya mengambil tempat nilai yang asal, kerana dinar dan dirham itu tidak tertentu dengan penentuan. Oleh kerana itu (gantinya mengambil tempatnya), maka ia umpama kekal. Tidak dinafikan bahawa dinar dan dirham itu adalah harta alih, oleh kerana ‘uruf kebiasaan masyarakat menerima sebarang transaksi dengannya maka ia termasuk dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh Imam Muhammad daripada al-Ansari (salah seorang pengikut Imam Zufar), beliau ditanya berkenaan dengan hukum sesiapa yang mewakafkan dinar dan dirham atau sesuatu yang boleh disukat atau ditimbang: Adakah dibenarkan? Beliau menjawab: “Ya”. Apabila ditanya bagaimana, beliau menjawab: “Dirham tersebut akan dijadikan modal mudharabah kemudian apabila mendapat untung, keuntungan tersebut akan diserahkan kepada manfaat wakaf seperti yang dinyatakan”.

Berkata imam ‘Ulaysh (t.th):

“Berkenaan dengan hukum kesahihan wakaf bagi perkara-perkara yang tidak tertentu dengan penentuan umpama makanan, dinar dan dirham, untuk diberi hutang kepada mereka yang memerlukannya dan dibayar kembali dengan seumpamanya sebagai wakaf, dan begitulah seterusnya. Inilah pandangan yang diterima oleh pengarang Al-Mudawwanah. Ini jugalah pandangan Ibn Shaz dan Ibn Hajib”.

Berdasarkan pandangan mazhab Hanafi dan Maliki, wakaf tunai adalah diharuskan tanpa melupuskan nilainya seperti digunakan dalam perniagaan atas dasar *mudarabah* (Hanafi) atau diberikan hutang atas dasar pinjaman (*qard*) kepada mereka yang berhajat. Jelas daripada nukilan-nukilan ini bahawa wang tunai boleh diwakafkan dan nilainya masih boleh dikekalkan dengan dikembangkan dan mengambil manfaat daripada hasilnya.

Fatwa Kontemporari

Setakat kajian ini dijalankan, perbezaan pendapat mengenai keharusan wakaf tunai hanya berlaku dalam kalangan ulama klasik. Dalam konteks ulama semasa (institusi fatwa atau individu), tiada pandangan yang tidak membenarkan wakaf tunai. Antara fatwa-fatwa dan pandangan-pandangan kontemporari yang membincangkan berkenaan dengan wakaf tunai adalah seperti berikut:

Majlis Fatwa Kebangsaan

Wakaf tunai telah diiktiraf oleh Majlis Fatwa di Malaysia dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007.

Majlis Fatwa Negeri di Malaysia

Beberapa negeri di Malaysia turut mengeluarkan fatwa mengenai keharusan wakaf tunai, antaranya:

- i. Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu.
- iii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah.
- iv. Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Akan tetapi, kebanyakan negeri-negeri yang melaksanakan wakaf tunai menghadkan aplikasi wakaf tunai yang sedang dilaksanakan oleh mereka. Ia dinyatakan secara khusus bahawa wang tunai yang dikutip mestilah digunakan untuk tujuan pembelian harta kekal atau sebagai pembiayaan kepada pembangunan harta wakaf yang sedia ada seperti yang dipraktikkan di negeri Kedah, Selangor dan Kelantan.

Ini seolah-olah menjadikan wang tunai yang dikutip hanya sekadar pengantara untuk pembelian aset wakaf dan barang yang menjadi harta wakaf adalah aset tersebut, bukannya wakaf wang tunai tersebut walaupun ia dipanggil wakaf tunai. Takrifan wakaf tunai sebegini secara dasarnya adalah berbeza dengan maksud wakaf tunai yang dibincangkan oleh para fuqaha dalam kitab-kitab mereka seperti mana yang disebut dalam Resolusi No. 140 oleh Majlis Akademi Fiqh (Majma' Fiqh) Islam Antarabangsa.

Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa

Keharusan wakaf tunai telah dibincangkan oleh Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam mesyuaratnya yang ke-15 pada 2004 di Muscat, Oman dan antaranya telah memutuskan:

- i. Wakaf wang tunai adalah dibenarkan daripada sudut Syariah kerana matlamat daripada wakaf adalah untuk mengekalkan aset asal dan mengambil manfaat daripada aset tersebut, dan kerana tunai tidak tertentu dengan penentuan (لا تتعين) (وإنما تقوم أبدالها مقامها) dan gantiannya adalah sama dengan asalnya (بالتعيين).
- ii. Wakaf tunai adalah dibenarkan dengan menerusi pemberian pinjaman secara *qard hasan* dan pelaburan. Pelaburan itu boleh dilakukan sama ada secara langsung, atau dengan perkongsian bersama pewakaf yang lain ataupun dengan menerbitkan saham khas demi menggalakkan usaha wakaf dan penyertaan kolektif terhadapnya.
- iii. Seandainya wakaf tunai itu dilaburkan dalam harta kekal, umpamanya nazir (*mutawalli*) membeli hartanah menggunakan wakaf tunai tersebut atau menjadikannya sebagai modal dalam sesuatu pembinaan, maka aset yang dibeli atau yang dibina itu tidak akan dianggap sebagai harta wakaf. Sebaliknya, hanya nilai asal wang tunai yang diwakafkan kekal sebagai harta wakaf. Bahkan diharuskan untuk aset kekal itu dijual demi menjamin pelaburan supaya berkekalan. Dalam konteks ini harta wakaf sebenarnya adalah jumlah asal wang tunai yang diwakafkan.

Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)

AAOIFI (2010) dalam Piawaian Syariah yang ke-33 bernombor 3/4/3/3 menyatakan: *“Wakaf wang tunai adalah dibenarkan dan pemanfaatannya perlulah dilakukan dengan cara yang tidak akan menyebabkan wang itu habis seperti pemberian pinjaman (qard) yang patuh Syariah daripada wang tunai tersebut atau menyalurkan wang itu kepada pelaburan yang patuh Syariah dan kebiasaannya selamat seperti kontrak Mudarabah dan diagihkan keuntungan daripada pelaburan wang wakaf kepada penerima manfaat wakaf”.*

Dalam konteks perbincangan ini, wang tunai yang diwakafkan boleh ditukar dalam bentuk aset yang lain dimana manfaatnya boleh dinikmati tanpa melupuskan nilainya menerusi pelaburan misalnya dalam saham atau unit amanah.

FATWA MENGENAI KEHARUSAN WAKAF SAHAM

Seperti yang dinyatakan di atas, perbincangan mengenai wakaf saham adalah relevan kepada wakat unit amanah kerana antara konstituen utama kepada unit amanah adalah saham dan bon, atau salah satu daripadanya.

Saham merupakan instrumen kewangan kontemporari yang lahir daripada sistem perdagangan di Eropah. Kepesatan perkembangan perdagangan di Eropah telah mewujudkan pelbagai model dan modus operandi perniagaan dalam bentuk yang lebih moden seperti syarikat yang dimiliki oleh gabungan pemegang saham atau *joint-stock company*. Menerusi model ini, modal diperolehi dengan cara menjual saham-saham kepada pelabur yang kemudiannya akan bertindak menjadi rakan kongsi dalam usaha niaga tersebut (1996). Cizakca berpendapat konsep *joint-stock company* dipinjam oleh dunia Islam daripada Barat pada kurun ke 19 sehingga melahirkan instrumen wakaf saham. Ia merupakan sinergi antara wakaf tunai dan syarikat gabungan saham (*joint-stock company*) ciptaan Barat.

Disebabkan saham merupakan instrumen kewangan moden, perbincangan fuqaha mengenainya amatlah terhad. Perbincangan awal berhubung hukum mewakafkan saham syarikat dalam dunia Islam dikesan menerusi catatan Suhrawardy (1911) pada awal kurun ke-20. Beliau turut membincangkan mengenai hukum mewakafkan sekuriti, bon dan saham syarikat yang merupakan alat-alat kewangan moden yang mula popular di Eropah.

Suhrawardy seterusnya mendapatkan pandangan daripada Muhammad al-Bakhit al-Muti'i, Mufti di Alexandria mengenai keabsahan mewakafkan instrumen-instrumen kewangan moden. Al-Bakhit menerusi fatwa bertulis kepada Suhrawardy menyatakana keharusan mewakafkan saham syarikat dengan mengambil pandangan Imam Muhammad al-Shaybani. Menurut beliau, amalan wakaf saham syarikat termasuk dalam kategori *ta'amul* atau amalan yang biasa bagi sesebuah masyarakat seperti wakaf dirham dan dinar di Turki serta negara-negara yang lain selaras dengan hadith Rasulullah SAW: "*Apa yang baik pada pandangan manusia, adalah baik pada pandangan Allah SWT*" (Suhrawardy,1911).

Ini adalah antara catatan awal mengenai hukum wakaf saham. Dari sudut pandangan kontemporari, terdapat banyak fatwa semasa yang membincangkan mengenai keharusan wakaf saham seperti yang berikut:

Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa

Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (Majma' Fiqh) dalam mesyuaratnya yang ke-19 pada 2009 di Emiriah Arab Bersatu, dalam resolusinya bernombor 181 telah membincangkan mengenai wakaf dalam bentuk aset kewangan:

"Diharuskan untuk mewakafkan saham syarikat (yang patuh Syariah), Sukuk, hak tidak ketara, manfaat dan unit amanah, kerana kesemuanya adalah bentuk-bentuk aset yang diterima oleh Syariah".

Resolusi tersebut telah memutuskan mengenai keharusan unit amanah termasuklah unit amanah, saham, sukuk, hak tidak ketara dan manfaat. Turut dijelaskan bahawa matlamat utama saham wakaf adalah mengekalkan bentuk asalnya (saham) dan menggunakan keuntungan terhasil daripadanya untuk matlamat wakaf dan bukannya untuk didagangkan (*trading*) di pasaran kewangan. Oleh itu, *mutawalli* tidak boleh menjual saham tersebut kecuali untuk keperluan yang lebih utama (*rajih*) atau telah disyaratkan oleh pewakaf. Dalam situasi ini, ia tertakluk kepada peraturan-peraturan Syarak berkaitan *istibdal*.

Accounting & Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)

AAOIFI (2010) dalam Piawaian Syariah yang ke-33 bernombor 3/4/3/4:

"Diharuskan wakaf saham dan sukuk pelaburan yang patuh Syariah. Ketika dicairkan (saham dan sukuk tersebut), ia tertakluk kepada hukum istibdal. Dan diagihkan hasil keuntungan bahagian wakaf kepada penerima manfaat wakaf".

Dar al-Ifta' al-Misriyyah (Badan Fatwa Mesir)

Dar Al-Iftaa Al-Misriyyah telah mengeluarkan fatwa mengenai keharusan wakaf saham dan menyalurkan hasilnya kepada penerima wakaf. Menurut badan tersebut, wakaf saham mempunyai persamaan dengan mewakafkan dinar dan dirham bagi tujuan pinjaman seperti yang diharuskan oleh Malikiyyah. Walaupun diharuskan oleh Malikiyyah, terdapat pandangan yang mengatakan ia juga adalah makruh atau tidak digalakkan. Ia makruh kerana wakaf dinar dan dirham membawa kepada kehilangan fizikal subjek wakaf melalui penggunaan dinar dan dirham tersebut (Dar al-Ifta', 2016).

Dalam situasi wakaf saham, bentuknya kekal (dalam bentuk dokumen dan pemilikan) sehingga mampu mencapai hayat yang lama. Maka, pada wakaf saham terdapat semua syarat-syarat yang dikehendaki oleh Syariah mengenai wakaf. Oleh sebab itu, fatwa tersebut telah memutuskan bahawa harus mewakafkan saham dan menyalurkan hasilnya kepada penerima wakaf.

Fatwa Sheikh Abdullah bin Jibrin

Ketika ditanya mengenai mewakafkan saham syarikat yang terdedah kepada risiko untung atau rugi, Sheikh Abdullah menjawab bahawa tiada masalah untuk melakukannya (wakaf saham) kerana selalunya syarikat akan menghasilkan keuntungan. Apabila seseorang mengatakan "saham saya dalam syarikat tertentu adalah wakaf" ini bermakna beliau bermaksud mewakafkan keuntungan yang diperolehnya daripada syarikat tersebut kerana pada kebiasaannya terdapat keuntungan setiap tahun jika ditakdirkan berlaku kerugian syarikat tersebut, maka tiada sebarang liabiliti ke atas pewakaf (Al-Sartawi, t.th).

Dapat dirumuskan bahawa perbincangan mengenai hukum wakaf tunai dan wakaf saham adalah signifikan bagi kajian ini mengambil kira ciri-ciri aset-aset tersebut sebagai harta alih yang boleh berpindah tangan danyang termasuk dalam kategori harta alih. Malah klasifikasi aset kewangan yang untuk sah diwakafkan turut merangkumi unit amanah, sukuk, manfaat dan harta intelek sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majma' Fiqh yang menjadi landasan dan sandaran bagi meneroka kerangka konseptual wakaf unit amanah.

FATWA SEMASA MENGENAI KEHARUSAN UNIT AMANAH SEBAGAI SUBJEK WAKAF

Keharusan unit amanah sebagai subjek wakaf tidak dibincangkan oleh para ulama tradisional kerana unit amanah merupakan salah satu inovasi kewangan moden. Oleh itu, fatwa semasa mestilah dirujuk berkenaan hukum unit amanah sebagai subjek wakaf. Berdasarkan kajian yang dijalankan setakat ini, hanya terdapat satu fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa yang secara langsung membincangkan mengenai keharusan unit amanah sebagai subjek wakaf:

Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam mesyuaratnya yang ke-19 pada 2009 di Emiriah Arab Bersatu, dalam resolusinya bernombor 181 telah membincangkan mengenai keharusan wakaf di dalam bentuk aset kewangan iaitu unit amanah, saham, sukuk, hak tidak ketara (*al-huquq al-ma'nawiyah*) dan manfaat.

Menurut resolusi tersebut:

"Diharuskan untuk mewakafkan saham syarikat (yang patuh Syariah), Sukuk, hak tidak ketara, manfaat dan unit amanah, kerana kesemuanya adalah bentuk-bentuk aset yang diterima oleh Syariah".

Resolusi tersebut turut menggariskan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi ketika melakukan pelaburan dalam bentuk-bentuk wakaf di atas. Antara peraturan-peraturan yang berkaitan dengan topik kajian ialah:

- i. Matlamat utama saham wakaf (dan wakaf aset kewangan lain yang telah disebutkan di atas) adalah pemeliharaan bentuk asalnya (saham) dan menggunakan keuntungan terhasil daripadanya untuk matlamat wakaf dan bukannya untuk didagangkan (*trading*) di pasaran kewangan. Oleh itu, nazir (*mutawalli*) tidak boleh menjual saham tersebut kecuali untuk keperluan yang lebih utama (*rajih*) atau telah

- disyaratkan oleh pewakaf. Di dalam situasi ini, ia tertakluk kepada peraturan-peraturan Syarak berkenaan *istibdal*.
- ii. Jika syarikat dibubarkan atau sukuk telah ditebus, maka diharuskan untuk melakukan *istibdal* kepada bentuk aset yang lain seperti aset tidak alih, saham atau sukuk yang lain, sepertimana yang disyaratkan oleh pewakaf atau untuk kepentingan yang lebih utama kepada wakaf tersebut.
 - iii. Jika pewakaf mensyaratkan wakaf tersebut bersifat sementara, maka aset tersebut mestilah dicairkan sepertimana syarat pewakaf.
 - iv. Jika wakaf tersebut dalam bentuk tunai, lalu digunakan untuk membeli saham atau sukuk (atau yang seumpamanya), saham atau sukuk itu sendiri tidak dikira sebagai wakaf, bahkan wang tunai tersebut kekal sebagai wakaf, selagimana pewakaf tidak mensyaratkan bahawa saham atau sukuk tersebut yang menjadi harta wakaf. Lantaran itu, saham atau sukuk tersebut boleh dijual beli untuk memaksimumkan keuntungan demi kemaslahatan wakaf. Maka, nilai asal tunai tersebut kekal sebagai aset yang diwakafkan.
 - v. Wakaf yang dilakukan secara sementara (*wakaf muaqqat*) akan terhenti dengan berakhirnya tempoh wakaf tersebut. Wakaf sementara ini boleh dilakukan ke atas semua bentuk aset wakaf berdasarkan kehendak pewakaf.

KAEDAH PEMELIHARAAN MODAL WAKAF UNIT AMANAH

Dalam pelaburan unit amanah, pelabur tidak memiliki secara langsung sekuriti atau saham dalam portfolio unit amanah tersebut. Prestasi harga unit amanah sama ada naik atau turun, tertakluk kepada harga pasaran sekuriti atau saham dalam portfolio unit amanah tersebut. Keterdedahan nilai unit amanah yang diwakafkan kepada kenaikan atau penurunan harga unit amanah menimbulkan persoalan, adakah senario ini mempunyai kesan terhadap syarat kekal, lalu menjejaskan keabsahan wakaf unit amanah tersebut?

Kajian ini merumuskan bahawa penurunan nilai unit amanah tidak memberi kesan kepada keabsahan wakaf. Ini kerana jumlah pemilikan unit amanah tetap kekal tanpa sebarang pengurangan jumlah unit amanah. Keadaannya adalah sama dengan aset-aset yang lain seperti tanah dan rumah, yang juga tertakluk kepada perubahan nilai aset tertakluk kepada prestasi pasaran hartanah. Meskipun aset-aset hartanah mengalami susut nilai, aset-aset tersebut tetap sah sebagai harta wakaf pada pandangan majoriti fuqaha klasik dan kontemporari.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya nilai unit amanah tersebut berterusan mengalami penurunan, dan pada ketika itu pihak *mutawalli* merasakan bahawa adalah lebih bermaslah kepada wakaf (*masalah rajihah*), maka *mutawalli* boleh menukarkan (*istibdal*) unit amanah tersebut dengan unit amanah yang lain yang lebih baik prestasinya sama ada menerusi pensyaran oleh pewakaf atau atas dasar masalah terhadap aset wakaf tersebut.

Menurut Khaznah (2013), *istibdal* adalah salah satu mekanisme pemeliharaan harta wakaf. Secara ringkasnya, terdapat tiga keadaan di mana *istibdal* boleh dilakukan kepada harta wakaf: pertama, *waqif* mensyaratkan proses *istibdal*; kedua, *istibdal* untuk keperluan (*hajah*) dan darurat misalnya apabila harta wakaf tersebut telah rosak secara keseluruhan atau tiada lagi pendapatan untuk menampung perbelanjaan pengurusanannya; dan ketiga untuk kemaslahatan wakaf iaitu sekiranya proses *istibdal* boleh membawa keuntungan yang lebih besar atau manfaat yang lebih baik kepada wakaf berbanding jika proses *istibdal* tidak dilakukan.

Selain daripada keadaan di atas, Khaznah (2013) juga menggariskan tatacara menguruskan pelaburan saham atau sukuk yang diwakafkan yang juga boleh dipertimbangkan aplikasinya bagi mengekalkan modal wakaf unit amanah seperti yang berikut:

- i. Wakaf saham tidak boleh dilakukan ke atas saham yang matlamatnya adalah untuk berjual beli (*tadawul*).

- ii. Dibenarkan menjual saham wakaf dengan matlamat merealisasikan masalah tertentu yang dikehendaki. Umpamanya, dibenarkan kepada institusi wakaf untuk menukarkan saham wakaf syarikat sekarang dengan saham yang baharu yang memberikan pulangan yang lebih tinggi. Ini adalah berpandukan kepada pandangan yang membenarkan *istibdal* demi mencapai masalah yang lebih besar.
- iii. Jika sekiranya harga saham wakaf naik dengan tinggi dan secara mendadak, maka dibenarkan untuk menjual saham tersebut dengan saham yang lain yang lebih rendah nilainya dengan prospek harga saham baharu juga akan meningkat dengan tinggi dan mendadak. Ini juga termasuk dalam kategori *istibdal* untuk masalah.
- iv. Dibenarkan menjual saham ataupun sukuk wakaf apabila ada keperluan ataupun darurat. Contohnya, pada keadaan di mana tidak lagi wajar untuk meneruskan pelaburan di syarikat tersebut kerana berkurangan keuntungannya atau tidak lagi memberikan hasil, ataupun jatuh harga saham atau sukuk, atau laporan kewangan melaporkan kerugian, maka dibenarkan untuk dijual dan dilakukan *istibdal*, dengan syarat harga saham tersebut selepas dijual digunakan untuk membeli saham yang lain dan demi mengekalkan matlamat pewakaf sepertimana yang dibincangkan sebelumnya, melainkan jika sekiranya hasil jualan saham tersebut adalah sedikit (kerana kerugian besar yang ditanggung), sehingga menjadikan pembelian saham yang lain tidak dapat dilakukan. Dalam keadaan ini, hasil jualan tersebut bolehlah digabungkan dengan saham yang lain, yang mempunyai matlamat yang sama. Jika ini juga tidak dapat dilakukan, maka harga jualan tersebut diserahkan kepada benefisiari wakaf tersebut.
- v. Jika sekiranya pewakaf melarang penjualan sekuriti, maka wajib dituruti syarat tersebut. Tidak harus dijual atau dilakukan *istibdal* untuk kemaslahatan tertentu seperti yang disebut di atas. Apabila terdapat keperluan ataupun darurat seperti yang disebut di atas, maka diabaikan syarat pewakaf dan dijual sekuriti tersebut dengan seumpamanya, jika boleh. Tetapi bukan pada jenis wakaf lain seperti harta tak alih atau seumpama dengannya demi meraikan syarat pewakaf untuk mengekalkan wakaf dalam bentuk sekuriti.
- vi. Boleh dijual saham dan sukuk yang diwakafkan untuk digunakan hasil jaluannya bagi membangunkan wakaf lain dengan syarat-syarat berikut:
 - Tidak ada cara lain untuk membangunkan harta wakaf melainkan dengan cara berhutang.
 - Dikhuatiri kemusnahan aset wakaf atau kehilangan atau kekurangan hasilnya.
 - Benefisiari wakaf adalah pihak yang sama.
 - Diperlakukan sedemikian dengan cara pinjaman, jika boleh. Kemudian dipulangkan wang dan dibeli semula saham atau sukuk wakaf, atau aset wakaf seumpamanya yang lebih baik dan munasabah, supaya hasilnya disalurkan kepada benefisiari yang ditetapkan oleh pewakaf.
 - Aset wakaf yang hendak dibangunkan lebih berpotensi daripada segi pelaburan iaitu dengan hasil keuntungan yang lebih besar.
 - Mendapat kebenaran daripada qadi atau pemerintah.
 - Perlu diletakkan garis panduan dan prosedur tertentu dalam membuat keputusan berkenaan dengan penjualan saham dan sukuk, dan mekanisme kebertanggungjawaban dan audit mestilah diwujudkan untuk memastikan tidak berlakunya sebarang manipulasi, kecuaiian, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Di samping itu, jaminan modal oleh pihak ketiga juga wajar dipertimbangkan bagi memelihara modal unit amanah daripada penyusutan nilai misalnya jaminan modal oleh pihak Kerajaan Malaysia bagi tujuan memelihara modal wakaf sebagaimana modus operandi Amanah Saham Bumiputera dan Amanah Saham Nasional yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

KESIMPULAN

Setakat kajian ini dijalankan, hanya terdapat satu fatwa secara khusus yang menyentuh mengenai keabsahan unit amanah sebagai subjek wakaf sebagaimana yang diputuskan oleh Majma' Fiqh pada tahun 2009. Melalui penelitian terhadap fatwa serta resolusi berkenaan wakaf tunai, wakaf saham dan wakaf unit amanah, penulis berpendapat bahawa tiada halangan dari sudut hukum syarak untuk melaksanakan wakaf unit amanah.

Bahkan, tiada halangan dari sudut perundangan di Malaysia untuk mewakafkan unit amanah. Inisiatif ini juga perlu disokong oleh fatwa atau resolusi Syariah yang khusus dan progresif di peringkat nasional yang mengharuskan amalan wakaf unit amanah di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan input berhubung dengan keabsahan wakaf unit amanah menurut perspektif syarak kepada pengurus wakaf, pembuat polisi serta pihak industri kewangan Islam mengenai potensi aplikasi wakaf unit amanah di negara ini.

Tatacara atau kaedah untuk memelihara modal unit amanah menerusi *istibdal* dan jaminan oleh pihak ketiga turut dikemukakan dalam kaian ini. Tuntasnya, wakaf unit amanah merupakan satu inovasi yang diyakini dapat mendatangkan manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya benefisiari wakaf dan umat Islam selain menjamin tadbir urus aset wakaf secara lebih telus, efisien dan profesional.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada geran penyelidikan USIM/YTI/FEM/052002/41818 yang membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Al-Ansari, Zakariya Ibn Muhammad. t.th. *Asna Al-Matalib Sharh Rawd Al-Talib*. Jil. 2. T.P: Al-Binayah Fi Sharh Al-Hidayah Maktabah Al-Islamiyyah.
- Al-Buhuti, Mansur Ibn Yunus. 2005. *Sharh Muntaha Al-Iradat*. Jil. 2. Beirut: Mu'asassat Al-Risalah.
- Al-Hattab, Muhammad. 2003. *Mawahib Al-Jalil Li-Sharh Mukhtasar Khalil*. Jil. 6. Bayrut : Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Arjomand, S. A. 1998. Philanthropy, The Law And Public Policy In The Islamic World Before The Modern Era. Dalam Ilchman, F. Warren (Eds.). *Philanthropy In The World's Tradition* (H. 109-132). Bloomington: Indiana University Press.
- Cizakca, Murat. 1996. *A Comparative Evolution Of Business Partnerships: The Islamic World And Europe, With Specific Reference Of Ottoman Archives*. Leiden: E.J. Brill.
- Cizakca, Murat. 1998. *Awqaf In History And Its Implications For Modern Islamic Economies*. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 43-70.
- Cizakca, Murat. 2000. *A History Of Philanthropic Foundations, The Islamic World From The Seventh Century To The Present*. Istanbul: Bogazici University Press.
- Dodik Siswanto & Mirantika Kartika Dewi. 2011. *The Effectiveness Of Waqf Fund Raising Through Mutual Fund In Indonesia*. In Kahf, Monzer. & Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Essential Readings In Contemporary Waqf Issues*, Cert Publications, Kuala Lumpur.
- Gaudiosi, M. M. 1988. *The Influence Of The Islamic Law Of Waqf On The Development Of The Trust In England: The Case Of Merton College*. *University Of Pennsylvania Law Review*, 136(4), 1231-1261.
- Hodgson, M.G.S. 1974. *The Venture Of Islam: Conscience And History In A World Civilization*. Jil. 2. Chicago: The Universsity Of Chicago Press.
- Ibn Abidin. 1966. *Hasyiah Radd Al-Mukhtar*. Jil. 4. Kaherah: Al-Babi Al-Halabi.
- Ibn Taymiyah. 1995. *Majma' Al-Fatawa*. Vol 31. T.P.: Majma Malik Fahd.
- Ibn-Qudamah. 1983. *Al-Mughni*. Dar Al-Kitab Al-Arabi. Beirut: Dar Al-Arabi.
- International Accounting Standards 32 (IAS 32). 2003. *Financial Instruments: Presentation*.

- Kahf, Monzer. 2011. *Financing The Development Of Awqaf Property*. Dalam Monzer Kahf Dan Siti Mashitoh Mahamood (Eds.), *Readings In Contemporary Waqf Issues* (H. 165-202). Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.
- Al-Kasani. 2008. *Bada'i' Al-Sana'i' Fi Tartib Al-Shara'i'*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Marjan Muhammad, Beebee Salma Sairally & Fakhrukh Habib (Eds.). 2015. *Islamic Capital Markets: Principles & Practices*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy For Islamic Finance (ISRA).
- n.a. 2010. Accounting And Auditing Organization Of Islamic Financial Institutions (AAIOFI). *Sharia' Standards For Islamic Financial Intitutions*.
- Nizam, Al-Syakh 2002. *Al-Fatawa Al-Hindiyah Fi Madhhab Al-Imam Al-Azam Abi Hanifah Al-Nu'man*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.
- Securities Industry Development Corporation (SIDC). 2009. *Soal Jawab Pelabur, Langkah Permulaan Pelaburan*. Kuala Lumpur: SIDC.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006a. *Waqf In Malaysia: Legal And Administrative Perspective*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Syahnaz Sulaiman. 2012. Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam (Islamic Real Estate Trust/I-REIT) Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Kanun*, 24, No. 2, 149-177.

Jurnal

- Abul Hasan M. Sadeq. 2002. *Waqf, Perpetual Charity And Poverty Alleviation*. *International Journal Of Social Economics*, 29(1/2), 135-151.
- Sohaimi Mohd Salleh & Syarqawi Muhammad. 2008. *Waqaf Development In Malaysia: Issues And Challenges*. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 2(1), 1-24.
- Suhrawardy, Al-Ma'mun. 1911. *The Waqf Of Movables*. *Journal Of Asiatic Society Of Bengal* 7, 324-430.

Kertas Kerja

- Abu Bakar Yang. 2014. *Pembangunan Wakaf (Perbadanan Wakaf Negeri Selangor)*. Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana Kuala Lumpur.
- Al-'Ayni. 1990. *Al-Binayah Fi Sharh Al-Hidayah*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Busharah, Khaled M. 2012. *Kuwait Awqaf Public Foundation, (KAPF), Developmental Social Experience And Prospects*. Kertas Kerja Dibentangkan Di The Arab Forum Towards A New Welfare Mix: Rethinking The Role Of The State, Market And Civil Society In The Provision Of Basic Social Services, Beirut.
- Aminah Mohsin & Mohammad Tahir Sabit Mohammad. 2011. *Weaknesses Of Current Capital Raising, Financing, And Investment Methods Of Awqaf (Islamic Trusts)*. Kertas Kerja Dibentangkan Di International Conference On Social Science And Humanity, International Proceedings Of Economics Development Research (IPEDR) (Jil. 5, H. 401-405). Singapore: IACSIT Press.
- Mohd Nahar Mohd & Haneef. 2015. *Repositioning Issues Of Waqf As A Third Sector Organisation Into The Mainstream Economy*. Asia Pacific Awqaf Congress Organized By Awkaf Australia & Sydney University Law School Sydney, Australia: 15 – 17 April 2015.
- Shamsiah Abdul Karim. 2007. *Contemporary Waqf Administration And Development In Singapore; Challenges And Prospect*. In The Singapore International Waqf Conference (Pp. 1-10).
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006b. *Perundangan Wakaf Dan Isu-Isu Berbangkit*. Kertas Kerja Dibentangkan Di Konvensyen Wakaf Kebangsaan, Hotel Legend, Kuala Lumpur.

Tesis

- Baharuddin Sayyin, Asmak Ali & Salahudin Suyurno. 2006. *Kajian Perbandingan Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Kajian Kes Di Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang,*

- Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu Dan Perbadanan Wakaf Malaysia.* (Tesis, Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia).
- Shamsiah Abdul Karim. 2010. *Contemporary Shari'ah Structuring For The Development And Management Of Waqf Assets In Singapore.* (Tesis Kedoktoran Tidak Diterbitkan). Durham University, United Kingdom.
- Siti Salwa Mustapa. 2007. *Pengurusan Dan Pembangunan Harta Wakaf Kajian Di Terengganu.* (Disertasi Ijazah Sarjana Tidak Diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia).
- Syahnaz Sulaiman. 2016. *Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisme Dana Amanah Hartanah Islam.* Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia. Kuala Lumpur.
- Yayasan Wakaf Malaysia. 2016. *Waqf Property Development Transformation Master Plan Study In Malaysia.* Putrajaya: Yayasan Wakaf Malaysia.

Internet

- Dar Al-Ifta' (2006). Fatwa No. 359. [Http://Www.Dar-Alifta.Org/Ar/Viewfatwa.aspx?Sec=Fatwa&ID=13075](http://www.Dar-Alifta.Org/Ar/Viewfatwa.aspx?Sec=Fatwa&ID=13075) (diakses pada 16 Mac 2017).
- Suruhanjaya Sekuriti. (2017). *Unit Trust Funds In Malaysia – Summary Of Statistics.* [Https://Www.Sc.Com.My/Data-Statistics_170915/Unit-Trust-Funds-In-Malaysia-Summary-Of-Statistics/](https://www.Sc.Com.My/Data-Statistics_170915/Unit-Trust-Funds-In-Malaysia-Summary-Of-Statistics/) (diakses pada 24 Julai 2018).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.